

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun miliki RM350 secara tidak sah didenda
Date : 18 August 2023
Section : Tempatan
Page : 6



Keldai akaun miliki RM350 secara tidak sah didenda

MIRI: Seorang keldai akaun didenda RM500 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret kerana kesalahan memilikisejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah Liu Jiew Loong, 31, dari Jalan Landeh, Kuching, mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahannya, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM500, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memiliki wang berjumlah RM350 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3.14 petang, 1 May tahun ini di sebuah lot di Win House Villa, Jalan Luak 3 di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzi-lawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.